

Abdullah-Mahathir bertemu di Tokyo

UM - 27/5/2006

TOKYO 26 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dalam rangka lawatan lima hari ke Jepun mengadakan pertemuan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang turut menghadiri Persidangan Antarabangsa Nikkei Ke-12 di sini hari ini.

Abdullah yang memberikan ucapan pada hari pertama persidangan itu semalam berkata, ia pertemuan biasa untuk bertanya khabar tanpa ada agenda tertentu yang dibincangkan dengan bekas Perdana Menteri itu.

"Tidak ada apa-apa... tanya khabar dan bila nak balik. Saya cakap fasal saya bercakap dengan orang Jepun dan nyatakan sikap orang Jepun terhadap kita.

"Yang lain tak ada, jangan *speculate*. Memang tidak ada," katanya kepada wartawan Malaysia pada akhir lawatannya di Hotel Imperial, di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang berucap pada persidangan itu hari ini juga menginap di Hotel Imperial. Persidangan berkenaan turut dihadiri oleh Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew dan Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla.

PERDANA

- Utusan